



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul '**Pusat Penghayatan Alam Terbiar 2 Tahun**' yang disiarkan menerusi edisi Sentral Berita Harian pada 25 Februari 2010.

Kenyataan yang mengatakan Pusat Penghayatan Alam terbiar dan projek gajah putih adalah tidak benar kerana bangunan Pusat Penghayatan Alam sedia ada di Taman Wetland Putrajaya masih dibuka kepada orang ramai yang datang berkunjung dan berminat untuk mengetahui berkaitan dengan Wetland Putrajaya dengan maklumat pameran yang disediakan. Walau bagaimanapun, memandangkan terdapat beberapa bahagian projek ini yang masih di peringkat pembinaan, maka terdapat beberapa aktiviti di Pusat ini yang masih belum beroperasi sepenuhnya.

Untuk makluman, bangunan pameran baru yang telah siap pembinaannya akan menempatkan ruang pameran yang akan berfungsi seperti berikut:

- i. Pusat pendidikan dan pembelajaran yang mempamerkan (*showcase*) segala maklumat yang berkaitan dengan flora dan fauna yang terdapat di kawasan Wetland di seluruh dunia dan juga di Malaysia.
- ii. Pusat untuk mempamerkan segala maklumat dan fungsi serta keunikan elemen-elemen yang terdapat di Tasik dan Wetland Putrajaya.
- iii. Pusat untuk mempamerkan flora dan fauna yang terdapat di kawasan Wetland dengan menggunakan teknik pameran yang lebih menarik iaitu *interactive exhibits, miniature exhibits, simulation, projection & special effects*.
- iv. Pusat pameran yang mempamerkan keratan rentas atau simulasi bagaimana sel-sel wetland di Putrajaya berfungsi dan mengalirkan kualiti air yang bersih ke tasik dan akuarium yang mempamerkan pelbagai hidupan air yang terdapat di dalam Tasik Putrajaya.

Antara komponen-komponen lain yang akan disediakan juga di dalam bangunan pameran baru ini adalah:

- i. Lobi Utama – ruang ini merupakan kawasan akses keluar masuk utama ke bangunan ini dan juga mengandungi kawasan lain seperti ruang legar, tiket kaunter, tempat simpan barang (locker), kafeteria dan kedai cenderahati. Kedai cenderahati dan kafeteria akan hanya berfungsi apabila kerja-kerja mereka bentuk dan membina ruang pameran dan pengisian di bangunan pameran baru tersebut siap nanti.
- ii. Dewan Pameran – dewan ini mengandungi 3 ruang utama iaitu *Ground Floor, Lower Ground Floor* dan *First Floor* dan akan diisi dengan bahan pameran untuk ke tiga-tiga aras ini.

Dimaklumkan juga bahawa PPj telah mengeluarkan satu tender terbuka pada 12 Januari 2010 yang lalu untuk memilih dan melantik kontraktor bagi mereka bentuk dan membina ruang pameran dan pengisian di bangunan pameran baru tersebut. Tender ini akan ditutup pada 12 April 2010. Adalah dijangkakan bahawa projek ini akan siap dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh perantikan kontraktor itu dan seterusnya pengisian pameran dijangka akan siap dan dibuka kepada orang ramai pada pertengahan tahun 2011.

Berhubung dengan dakwaan trem di Pusat ini tersadai dan berhabuk juga adalah tidak benar. Sehingga Februari 2010, trem ini telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM977.00.

Merujuk kepada pengurusan aktiviti yang berkaitan dengan Pusat ini pula, PPj telah berjaya menjual sebanyak 4,341 tiket bagi aktiviti Eksplorasi Taman yang mengandungi aktiviti seperti lawatan berpandu, *self-guided tour*, aktiviti eksplorasi, bengkel rekreasi darat dan air dan aktiviti memancing di Taman Wetland. Bagi aktiviti sewaan kemudahan dan peralatan pula iaitu sewaan basikal, trem, buggy, bot duffy, kanu, kayak, bot dayung, bot kayuh, teropong dan khemah, sebanyak 6,686 tiket telah dijual sepanjang tahun 2009. Taman Wetland telah berjaya menguruskan sebanyak 102 sewaan tapak, 5 sewaan penggambaran dan fotografi dan 11 aktiviti pendidikan sepanjang tahun 2009.

Sepanjang tahun 2009 juga, PPj telah melaksanakan sebanyak 14 Program Taman dan aktiviti sebagaimana Kalender Acara Tahunan 2009 di Taman Wetland. Ini merupakan program yang dirancang secara tahunan di Taman Wetland bagi memeriahkan suasana taman dan memberi peluang kepada pengunjung mengguna dan menikmati fasiliti taman serta menimba ilmu pengetahuan mengenai flora dan fauna yang terdapat di Taman Wetland.

lanjut sila berhubung terus dengan saya di talian 03-88877033 atau 019-2807291 atau zaharah@ppj.gov.my.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 10 Mac 2010

Akhbar : Berita Harian
 Segmen : Sentral
 M/s : 1
 Tarikh : 25 Februari 2010

Oleh Haika Khazi
 hkhazi@utusan.com.my

PUTRAJAYA: Pusat Penghayatan Alam di Wetland Putrajaya di sini, yang kos pembinaannya mencecah sekitar RM5 juta, terbiar sejak dua tahun lalu sekali gus menjadi projek gajah putih.

Tinjauan *Sentral* mendapati bangunan berkenaan suavi sepi kerana tidak dikunjungi pelawat yang memasuki Taman rekreasi itu walaupun kemudahan sudah siap sepenuhnya termasuk tanda nama pusat serta kemudahan disediakan.

Antara kemudahan yang ada termasuk kedai cenderamata, sudut pameran kraf tangan, kiosk audio visual dan kafeteria yang dilihat masih terbiar.

Dua tram yang masing-masing boleh ditiupkan lapan dan 10 orang dewasa yang sepatutnya disediakan untuk memberi kemudahan kepada pelawat untuk melawat dan beristirahat di sekitar taman rekreasi seluas 198 hektar itu tanpa perlu berjalan kaki didapati tersadai di anjung bangunan terbiar dan diliputi habuk.

Tinjauan juga mendapati ruang utama pusat berkenaan kosong, manakala kedai cenderamata masih mempunyai pelbagai barang jualan tetapi umpama 'hidup segan mati tak mahu' kerana tanpa penjaja dan pengunjung.

Sudut audio visual yang sepatutnya memberi kemudahan informasi kepada pelawat pula tidak berfungsi, manakala kafeteria hanya tinggal kerusi dan meja.

Seorang pengunjung, Aizuddin Abdullah, 26, berkata bangunan itu sepatutnya di manfaatkan sepenuhnya untuk kemudahan pengunjung, manakala promosi yang baik

Pusat Penghayatan Alam terbiar 2 tahun

Taman rekreasi RM5j di Wetland jadi projek gajah putih



PUSAT Penghayatan Alam Wetland di Putrajaya yang terbiar dianggap gajah pembaziran.

perlu dilakukan.

"Wetland adalah taman rekreasi yang menarik untuk dilawati pelancong dalam dan luar negara, sepatutnya masalah seperti bangunan terbiar itu tidak boleh berlaku," katanya yang datang dari Kuala Selangor bersama isteri serta dua anaknya.

Bellau berkata, sebaik masuk ke Wetland, mereka meninjau pelbagai jenis burung di situ dan kemudian ter-

rangkap bangunan pusat berkenaan tetapi kerewa apabila didapati tidak beroperasi.

"La satu pembaziran kerana sepatutnya pusat berkenaan boleh dijadikan lokasi tarikan utama pelancong terutama menara tinjau yang boleh digunakan untuk melihat kawasan sekitar dan burung di sini," katanya.

Sementara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPP), Tan Sri Samsuddin Osman,

mengesahkan pusat itu terbiar sejak dua tahun lalu apabila PPP tidak memperbaharui kontrak operasinya.

Bagaimanapun, bellau secara terperinci masalah itu.

"PPP sedang mencari operator baru bagi menguruskan pusat berkenaan tetapi pada masa ini Wetland Putrajaya diuruskan sendiri oleh PPP bagi kawasan lawa-

tan yang lain," katanya.

Bellau berkata, PPP berusaha untuk melantik operator baru sebelum akhir tahun ini, manakala Wetland Putrajaya masih boleh dilawati seperti biasa walaupun tanpa operasi pusat berkenaan.

Fungsi pusat berkenaan adalah untuk pameran dan maklumat mengenai haiwan yang ada di Wetland seperti burung, memarang dan ikan air tawar," katanya.



KEMUDAHAN tram penumpang tersadai dan dipenuhi habuk.



KERUSI dan meja di kafeteria sepi tanpa pengunjung.

“Wetland adalah taman rekreasi yang menarik untuk dilawati pelancong, sepatutnya masalah bangunan terbiar tidak boleh berlaku”

Aizuddin Abdullah
 Pengunjung